

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) pendirian Kerajaan Persekutuan mengenai kontroversi perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai kesungguhan politik (*political will*) untuk mengharamkan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia; dan

(b) status sekiranya seseorang gadis di bawah umur 16 tahun melakukan hubungan seks secara sukarela, adakah dia wajar didakwa, selain daripada lelaki yang didakwa atas 'rogol berkanun' itu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA**  
**DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam perkara perkahwinan bawah umur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendirian bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka sepenuhnya. Sebarang aktiviti yang mungkin membantutkan perkembangan mereka terutamanya dari segi pendidikan dan kesihatan harus ditegah supaya mereka dapat mengejar masa hadapan yang lebih luas dan cerah.

Di Malaysia, perundangan yang berkaitan dengan perkahwinan adalah di bawah undang-undang keluarga yang ditadbir secara berasingan bagi yang beragama Islam dan bukan Islam serta mengikut adat (Sabah dan Sarawak). Perkahwinan Islam ditadbir di bawah Akta Undang-Undang keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri yang memperuntukkan bahawa perkahwinan di bawah umur iaitu di bawah

umur 18 tahun untuk lelaki dan di bawah umur 16 tahun bagi gadis hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Mahkamah Syariah.

Manakala bagi yang bukan beragama Islam, seksyen 10 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 memperuntukkan bahawa umur minimum perkahwinan adalah pada 18 tahun. Walau bagaimanapun, seorang gadis yang telah mencapai umur 16 tahun boleh dibenarkan berkahwin dengan kebenaran (lesen) yang diberikan oleh Ketua Menteri.

Perkahwinan adat pula dilaksana dan didaftarkan di bawah undang-undang adat mengikut kaum peribumi masing-masing di Sarawak dan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkahwinan bawah umur akan memberi tekanan daripada segi fizikal dan mental yang merangkumi aspek seperti kesihatan, pendidikan dan kewangan terhadap seorang kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan. Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa asas yang kukuh bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami isteri atau ibu bapa atas bahu mereka.

Walau bagaimanapun, KPWKM akur bahawa terdapat perundangan di Malaysia yang membolehkan perkahwinan bawah umur berlaku. Namun, kebenaran melalui perundangan tidak bermaksud mesti berkahwin pada usia muda tapi sekadar membenarkan apabila keadaan memerlukan. Amalan luar negara yang melarang perkahwinan awal menunjukkan bahawa halangan semata-mata tidak berkesan. Perlakuan seks antara pemuda pemudi tetap terjadi sehingga berlakunya kes ibu muda yang mengandung.

Bagi mengelakkan perkahwinan muda, kesedaran masyarakat berkenaan pentingnya mengutamakan perkembangan kanak-kanak secara holistik adalah penting. Saya ingin menyeru kepada semua ahli Yang Berhormat yang berada di dalam dewan yang mulia ini supaya berjuang bersama-sama Kerajaan untuk memberi pendidikan kepada masyarakat berkenaan keburukan perkahwinan muda dan pentingnya mengutamakan pendidikan yang sempurna sebelum memulakan hidup berkeluarga.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun seorang gadis di bawah umur 16 tahun melakukan hubungan seks secara sukarela, KPWKM melihat gadis ini sebagai mangsa keadaan. Gadis ini merupakan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, panduan, pemulihan dan bukannya dakwaan dan hukuman. Buat masa ini, gadis muda yang memerlukan perlindungan dan pemulihan akan ditempatkan di bawah perintah Mahkamah di Taman Seri Puteri bagi mendapatkan intervensi yang sewajarnya mengikut keperluan kanak-kanak tersebut.